

Martabat Bahasa Kebangsaan di Mahkamah Tinggi: Antara Hasrat Perlembagaan dan Realiti Praktikal

(The Status of the National Language in the High Court: Between Constitutional Intent and Practical Reality)

Nur Farahiyah Mohd Nasir^{1*}, Mohamad Rizal Abd Rahman²
Nurhafilah Musa³, Asmazatul Adawiyah Ramley⁴

¹Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Email: nurfarahiyah@ukm.edu.my

²Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Email: noryn@ukm.edu.my

³Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Email: hafilah@ukm.edu.my

⁴Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Email: asmaadawiyah03gmail.com

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nur Farahiyah Mohd Nasir
(nurfarahiyah@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Bahasa Melayu
Mahkamah Tinggi
Akses kepada Keadilan
Penulisan Penghakiman
Bahasa Perundangan

KEYWORDS:

Bahasa Melayu
High Court
Access to Justice
Judicial Writing
Legal Language

CITATION:

Nur Farahiyah, M. N., Mohamad Rizal, A. R., Nurhafilah, M., & Asmazatul Adawiyah, R. (2026). Martabat Bahasa Kebangsaan di Mahkamah Tinggi: Antara Hasrat Perlembagaan dan Realiti Praktikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(7), e004113. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i7.4113>

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia bukan sahaja mempunyai kedudukan yang kukuh dari sudut perlembagaan, malah melambangkan identiti negara dan asas pembinaan institusi awam yang lebih dekat dengan rakyat. Artikel ini meneliti penggunaan Bahasa Melayu di peringkat Mahkamah Tinggi, khususnya dalam prosiding jenayah, dengan memberikan tumpuan kepada jurang antara hasrat perlembagaan dengan realiti amalan kehakiman semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan fenomenologi melalui temu bual mendalam dengan tiga orang Hakim Mahkamah Tinggi dari Kuala Lumpur, Shah Alam, dan Seremban. Dapatan temu bual disokong oleh analisis doktrinal terhadap statut, kes-kes terpilih, dan bahan sekunder yang berkaitan. Kajian ini mendapati bahawa Bahasa Melayu diiktiraf sebagai penting bagi menjamin kefahaman pihak-pihak, memperkukuh akses kepada keadilan, dan menzahirkan kewibawaan institusi kehakiman dalam acuan tempatan. Namun begitu, penggunaannya secara lebih meluas di Mahkamah Tinggi masih dibatasi oleh beberapa faktor, termasuk dominasi berterusan autoriti undang-undang berbahasa Inggeris, kekurangan istilah teknikal perundangan Melayu yang mantap, tekanan pengurusan kes, serta tahap keyakinan bahasa yang tidak sekata dalam kalangan pengamal undang-undang. Kajian ini juga menunjukkan bahawa Bahasa Melayu mempunyai keupayaan untuk menjadi

bahasa penghakiman yang bukan sahaja tepat dan jelas, tetapi juga bernuansa, berwibawa, dan dekat dengan masyarakat. Oleh itu, pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam sistem kehakiman perlu dilihat sebagai sebahagian daripada agenda reformasi institusi yang lebih luas, bukan semata-mata isu linguistik. Artikel ini mencadangkan pemantapan latihan penulisan penghakiman, pembangunan glosari perundangan mengikut bidang, penstrukturan semula pendidikan undang-undang, dan pengukuhan dasar bahasa dalam amalan mahkamah.

ABSTRACT

Bahasa English. Malay as Malaysia's national language not only holds a strong constitutional position but also symbolises national identity and the foundation for building public institutions closer to the people. This article examines Malay language usage at the High Court level, particularly in criminal proceedings, focusing on the gap between constitutional intentions and current judicial practice realities. This study utilises a phenomenological qualitative approach through in-depth interviews with three High Court Judges from Kuala Lumpur, Shah Alam, and Seremban. Interview findings are supported by doctrinal analysis of statutes, selected cases, and relevant secondary materials. This study finds Malay is recognised as crucial for ensuring parties' understanding, strengthening access to justice, and manifesting the judicial institution's authority within a local framework. However, its wider High Court use remains limited by several factors, including the continued dominance of English legal authorities, lack of established Malay technical legal terms, case management pressures, and uneven language confidence among legal practitioners. The study also demonstrates Malay's capacity to be a judgment language that is not only precise and clear, but nuanced, authoritative, and close to the community. Therefore, empowering the Malay language within the judicial system must be viewed as part of a broader institutional reform agenda, not merely a linguistic issue. This article proposes enhancing judgment writing training, developing legal glossaries by field, restructuring legal education, and strengthening language policies in court practices.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan menganalisis penggunaan Bahasa Melayu dalam prosiding jenayah di Mahkamah Tinggi melalui perspektif hakim. Sumbangan utama kajian ini ialah mengenal pasti cabaran pelaksanaan serta mencadangkan strategi pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam sistem kehakiman.

1. Pengenalan

Bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga merupakan lambang kedaulatan, maruah bangsa, dan identiti sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak boleh dilihat sebagai satu dasar yang

bersifat simbolik semata-mata, sebaliknya merupakan prinsip asas kenegaraan yang dimaktubkan secara jelas di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Namun, dalam amalan kehakiman, penggunaan Bahasa Inggeris masih kekal dominan akibat pengaruh sejarah dan tradisi Common Law. Peruntukan tersebut menetapkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi, dan dalam kerangka itu, urusan mahkamah sewajarnya termasuk dalam ruang lingkup institusi rasmi negara.

Walau bagaimanapun, sejarah panjang kolonialisme British telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap struktur sistem perundangan Malaysia. Tradisi Common Law bukan sahaja memperkenalkan prinsip-prinsip undang-undang Barat, malah turut mengekalkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan dalam penghujahan, rujukan autoriti, dan penulisan kehakiman. Keadaan ini telah mewujudkan suatu bentuk dualisme bahasa dalam institusi kehakiman, iaitu Bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, manakala Bahasa Inggeris terus berfungsi sebagai bahasa teknikal undang-undang yang dominan dalam praktik (The Malaysian Bar 2008; The Malaysian Bar 2019).

Dalam perbincangan tentang bahasa dan keadilan, isu ini menjadi lebih penting apabila dikaitkan dengan prosiding jenayah. Hal ini demikian kerana kes jenayah melibatkan kebebasan diri, hak asasi, dan keperluan bahawa orang kena tuduh benar-benar memahami proses yang sedang berjalan terhadap dirinya. Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 memperuntukkan bahawa segala prosiding di mahkamah, selain keterangan saksi, hendaklah dijalankan dalam bahasa kebangsaan. Namun demikian, undang-undang yang sama turut memberi ruang kepada penggunaan Bahasa Inggeris sekiranya mahkamah berpendapat bahawa penggunaan tersebut perlu demi kepentingan keadilan. Di sinilah timbul persoalan utama: sejauh manakah frasa “kepentingan keadilan” digunakan untuk melindungi hak pihak-pihak, dan sejauh manakah ia menjadi jalan praktikal untuk mengekalkan dominasi Bahasa Inggeris?

Dalam beberapa keputusan kehakiman, mahkamah telah menegaskan kepentingan kefahaman pihak yang dituduh terhadap prosiding yang dihadapinya. Dalam *Lee Chee Soon & Ors v Public Prosecutor* dan *Public Prosecutor v Tan Say Cheong*, mahkamah menekankan bahawa tertuduh perlu memahami perjalanan perbicaraan sebagai sebahagian daripada prinsip perbicaraan yang adil. Oleh itu, isu penggunaan Bahasa Melayu di Mahkamah Tinggi tidak boleh disempitkan sebagai isu pentadbiran bahasa semata-mata, sebaliknya perlu dinilai sebagai isu akses kepada keadilan, legitimasi institusi, dan hubungan antara mahkamah dengan masyarakat.

Artikel ini meneliti isu tersebut melalui temu bual mendalam bersama tiga orang Hakim Mahkamah Tinggi dari Kuala Lumpur, Shah Alam, dan Seremban. Dengan mengekalkan fokus kepada prosiding jenayah, artikel ini berusaha memahami bagaimana aspirasi perlembagaan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan bertembung dengan realiti pengoperasian mahkamah yang masih kuat dipengaruhi oleh warisan bahasa kolonial, tekanan institusi, dan budaya profesional semasa.

2. Sorotan Literatur

2.1. Evolusi Perundangan dan Kedudukan Bahasa Kebangsaan

Kedudukan Bahasa Melayu dalam sistem kehakiman Malaysia tidak terbentuk secara serta-merta, sebaliknya berkembang melalui proses sejarah dan perubahan

perundangan yang panjang. Sebelum pindaan penting terhadap Akta Bahasa Kebangsaan, penggunaan Bahasa Inggeris kekal sangat dominan khususnya di mahkamah-mahkamah atasan. Selepas pindaan pada tahun 1990, penggunaan Bahasa Melayu diperkukuh melalui kewajipan penggunaannya dalam prosiding, walaupun mahkamah masih diberikan budi bicara untuk membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris atas alasan kepentingan keadilan.

Sharifah Darmia binti Sharif Adam (2010) menjelaskan bahawa pemerkasaan bahasa kebangsaan perlu difahami sebagai sebahagian daripada proses pembinaan negara pascakolonial. Dalam konteks kehakiman, usaha ini bukan sekadar untuk menukar bahasa kerja, tetapi turut membawa makna yang lebih besar, iaitu menjadikan undang-undang lebih dekat dengan masyarakat tempatan dan tidak terus dilihat sebagai wacana elit yang asing daripada pengalaman rakyat.

Walaupun kedudukan normatif Bahasa Melayu semakin jelas, realiti amalan kehakiman menunjukkan bahawa Bahasa Inggeris masih mempunyai pengaruh yang kuat. Banyak sumber autoritatif dalam undang-undang, termasuk buku teks, laporan kes, dan laras penghujahan yang dominan, masih berkembang dalam bahasa tersebut. Hal ini dapat diperhatikan dalam beberapa litigasi moden seperti *Ortus Expert White Sdn Bhd v Nor Yannie Adam & Anor*³ dan *Public Prosecutor v Interspace Management Sdn Bhd*, yang memperlihatkan bagaimana ekosistem litigasi Malaysia masih bergantung pada sumber-sumber perundangan yang berteraskan Bahasa Inggeris.

2.2. Teori Akses Kepada Keadilan dan Hak Linguistik

Kajian ini berpaksikan teori akses kepada keadilan. Dalam kerangka ini, keadilan tidak hanya bermaksud mahkamah mencapai keputusan yang betul dari sudut undang-undang, tetapi juga memastikan proses tersebut boleh difahami dan diakses secara bermakna oleh pihak-pihak yang terlibat. Dengan kata lain, keadilan bukan hanya soal hasil akhir, tetapi juga soal pengalaman pihak yang melalui proses tersebut.

Dalam konteks jenayah, prinsip ini menjadi sangat penting kerana tertuduh berhadapan dengan kemungkinan kehilangan kebebasan diri serta implikasi undang-undang yang serius. Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan melindungi kebebasan diri, dan secara prinsipnya, seseorang yang dituduh mesti memahami pertuduhan serta perjalanan prosiding yang sedang dikenakan ke atasnya. Hal ini sejajar dengan pendekatan yang dapat dilihat dalam *Mohd Nooriman Ismail v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* dan *Hsueh Shih Hung & Ors v Komandan Depot Imigresen Belantik, Kedah & Ors*, yang memperlihatkan bahawa kefahaman terhadap proses undang-undang mempunyai kaitan rapat dengan keadilan substantif.

Dari sudut teorinya, penggunaan Bahasa Melayu di mahkamah bukan sekadar lambang kedaulatan bahasa, tetapi satu instrumen yang boleh mengurangkan jurang antara institusi kehakiman dengan rakyat. Hafiz Saidina (2025) juga menegaskan bahawa penggunaan Bahasa Melayu dalam sistem kehakiman dapat membantu menjamin akses kepada keadilan yang lebih inklusif. Dalam keadaan masyarakat majoritinya lebih akrab dengan bahasa kebangsaan, penggunaan bahasa yang difahami oleh pihak-pihak menjadi asas penting kepada keterangkuman proses perundangan.

2.3. Cabaran Profesionalisme: Antara Kompetensi dan Sikap

Selain faktor struktur, literatur sedia ada menunjukkan bahawa cabaran penggunaan Bahasa Melayu dalam undang-undang juga berkait rapat dengan faktor budaya profesional. Teo Kok Seong (2016) menegaskan bahawa masih wujud persepsi dalam kalangan sesetengah pengamal undang-undang bahawa Bahasa Inggeris lebih sesuai untuk penghujahan yang kompleks dan lebih mencerminkan kewibawaan profesional. Persepsi ini secara tidak langsung meletakkan Bahasa Melayu pada kedudukan yang lebih rendah dalam hierarki amalan perundangan.

Dalam masa yang sama, penggunaan kes-kes Komanwel, buku teks berbahasa Inggeris, dan sistem latihan undang-undang yang banyak bergantung pada bahasa tersebut telah membentuk suatu kebiasaan profesional. Akibatnya, ramai hakim dan peguam bukan sahaja lebih selesa merujuk bahan dalam Bahasa Inggeris, tetapi juga lebih cenderung menulis dan berhujah dalam bahasa tersebut kerana ia dirasakan lebih mudah dari sudut teknikal dan masa.

Sheila Ramalingam, Johan Shamsuddin Sabaruddin dan Saroja Dhanapal (2022) mendapati bahawa terdapat jurang yang nyata antara kedudukan undang-undang Bahasa Melayu dengan realiti sebenar penggunaannya di mahkamah. Ini menunjukkan bahawa isu bahasa dalam institusi kehakiman bukan sekadar soal dasar, tetapi juga soal kompetensi, latihan, dan sikap profesional dalam kalangan pengamal undang-undang.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat fenomenologi bagi meneliti pengalaman, pandangan, dan pertimbangan profesional para Hakim Mahkamah Tinggi berhubung penggunaan Bahasa Melayu dalam prosiding dan penulisan penghakiman. Pendekatan ini dipilih kerana persoalan bahasa dalam kehakiman bukan sekadar isu kuantitatif tentang kekerapan penggunaan, tetapi melibatkan pengalaman institusi, tafsiran peranan kehakiman, dan pertimbangan profesional yang lebih mendalam.

Data primer diperoleh melalui temu bual mendalam dengan tiga orang Hakim Mahkamah Tinggi yang mempunyai pengalaman di Kuala Lumpur, Shah Alam, dan Seremban. Pemilihan responden dibuat secara bertujuan bagi mendapatkan perspektif daripada hakim yang beroperasi dalam persekitaran kehakiman yang berbeza, termasuk mahkamah yang mempunyai beban kes tinggi dan mahkamah yang lebih dekat dengan konteks tempatan.

Temu bual dijalankan secara bersemuka di lokasi mahkamah masing-masing. Setiap sesi memberi tumpuan kepada empat dimensi utama, iaitu tahap penggunaan Bahasa Melayu dalam prosiding dan penghakiman, faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa, cabaran teknikal dan sistemik, serta cadangan untuk memperkukuh kedudukan bahasa kebangsaan di mahkamah. Data yang diperoleh kemudiannya ditranskripsi secara verbatim dan dianalisis menggunakan analisis bertema bagi mengenal pasti corak utama yang muncul secara berulang dalam naratif responden.

Bagi mengukuhkan dapatan, kajian ini turut menggunakan analisis doktrinal terhadap statut, kes-kes terpilih, dan bahan sekunder berkaitan. Gabungan pendekatan temu bual dan analisis doktrinal ini membolehkan dapatan empirik ditafsirkan dalam kerangka undang-undang dan teori yang lebih luas.

Jadual 1: Ringkasan Profil Responden dan Tema Utama Dapatan Kajian

Responden	Lokasi Mahkamah Tinggi	Corak penggunaan Bahasa Melayu	Pendekatan umum	Tema utama yang dibangkitkan
Responden 1	Shah Alam	Sangat tinggi, hampir menyeluruh	Komitmen kuat terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa prosiding dan penghakiman	Bahasa Melayu sebagai bahasa kehakiman yang berwibawa, bernyawa, dan mempunyai “roh” tersendiri
Responden 2	Kuala Lumpur	Sederhana dan fleksibel	Pendekatan pragmatik mengikut latar belakang peguam, jenis kes, dan keperluan prosiding	Fleksibiliti bahasa, tekanan pengurusan kes, dan keperluan penyesuaian dalam mahkamah berintensiti tinggi
Responden 3	Seremban	Sederhana dengan kecenderungan praktikal	Menyeimbangkan kehendak dasar bahasa dengan realiti operasi mahkamah	Isu terminologi, kekangan masa, serta kebimbangan terhadap kompetensi bahasa pengamal undang-undang

Nota: Jadual ini dirumuskan berdasarkan dapatan temu bual mendalam bersama tiga orang Hakim Mahkamah Tinggi yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1 memperlihatkan bahawa walaupun ketiga-tiga responden berkongsi pandangan bahawa Bahasa Melayu mempunyai kedudukan yang penting dalam sistem kehakiman, corak penggunaannya di Mahkamah Tinggi tidaklah seragam. Perbezaan ini jelas dipengaruhi oleh konteks mahkamah, beban kerja, jenis litigasi, dan pendekatan profesional hakim itu sendiri.

Responden dari Shah Alam menunjukkan tahap komitmen yang paling tinggi terhadap penggunaan Bahasa Melayu. Bahasa tersebut bukan sahaja digunakan secara meluas dalam prosiding, malah dianggap sebagai bahasa yang mampu membawa penghujahan kehakiman dengan lebih hidup, halus, dan berwibawa. Bagi responden ini, Bahasa Melayu tidak dilihat sekadar sebagai kewajipan rasmi, tetapi sebagai medium yang dapat mencerminkan identiti kehakiman tempatan secara lebih bermakna.

Sebaliknya, responden dari Kuala Lumpur memperlihatkan pendekatan yang lebih fleksibel dan pragmatik. Dalam konteks mahkamah yang berhadapan dengan kepelbagaian peguam, jenis kes, dan kadar pengurusan kes yang tinggi, pemilihan bahasa sering dibuat berdasarkan kesesuaian situasi. Pendekatan ini menunjukkan bahawa dalam persekitaran mahkamah yang sibuk, pertimbangan efisiensi dan kelancaran prosiding turut memainkan peranan besar dalam menentukan bahasa yang digunakan.

Responden dari Seremban pula menonjolkan dimensi yang lebih teknikal dan institusional. Walaupun tidak menolak kepentingan Bahasa Melayu, beliau menekankan

bahawa cabaran sebenar terletak pada ketidakcukupan istilah teknikal perundangan, tekanan masa dalam menyiapkan alasan penghakiman, dan tahap penguasaan bahasa yang tidak sekata dalam kalangan pengamal undang-undang. Dapatan ini menunjukkan bahawa pemeraksanaan Bahasa Melayu di mahkamah tidak boleh dicapai melalui dasar semata-mata, tetapi memerlukan sokongan struktur yang lebih menyeluruh.

Secara keseluruhan, jadual ini mengesahkan bahawa isu penggunaan Bahasa Melayu di Mahkamah Tinggi perlu dilihat dalam dua lapis utama. Pertama, terdapat dimensi normatif yang berkait dengan kedudukan bahasa kebangsaan, maruah institusi, dan akses kepada keadilan. Kedua, terdapat dimensi praktikal yang melibatkan pengurusan kes, kekangan masa, ketersediaan istilah, dan budaya profesional. Dengan itu, pemartabatan Bahasa Melayu dalam kehakiman perlu difahami sebagai satu proses yang memerlukan keseimbangan antara ideal perundangan dengan realiti operasi mahkamah.

4. Hasil Kajian

4.1. Kedaulatan Bahasa Melayu dalam Prosiding Jenayah

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa tahap penggunaan Bahasa Melayu di Mahkamah Tinggi tidak seragam, sebaliknya bergantung pada pendekatan dan keyakinan hakim yang terlibat. Seorang responden dari Shah Alam menunjukkan komitmen yang sangat tinggi terhadap penggunaan Bahasa Melayu sehingga bahasa yang digunakan untuk keseluruhan urusan prosiding dan penulisan penghakiman dijalankan dalam bahasa tersebut. Bagi beliau, pilihan bahasa bukan sekadar memenuhi kehendak undang-undang, tetapi juga satu manifestasi tanggungjawab institusi terhadap Bahasa Kebangsaan.

Sebaliknya, hakim dari Kuala Lumpur dan Seremban memperlihatkan pendekatan yang lebih linguistik. Mereka mengakui bahawa pemilihan bahasa dalam mahkamah sering dipengaruhi oleh latar belakang peguam, jenis kes, dan suasana prosiding. Dalam erti kata lain, walaupun Bahasa Melayu diakui penting, bahasa pengendalian kes memerlukan satu tahap fleksibiliti tertentu, terutamanya di mahkamah yang berhadapan dengan pelbagai jenis litigasi dan pihak-pihak yang mempunyai latar linguistik berbeza.

Walaupun terdapat perbezaan pendekatan, semua responden sepakat bahawa dalam perbicaraan jenayah, bahasa mempunyai peranan yang amat langsung terhadap keadilan. Hal ini kerana kefahaman tertuduh terhadap pertuduhan, keterangan saksi, dan perjalanan prosiding sangat bergantung pada bahasa yang digunakan di mahkamah. Dalam kes seperti *Public Prosecutor v Kang Chang Heng* dan *Pendakwa Raya v Saidi Muhammad*, dapat dilihat kepentingan bahawa proses perbicaraan jenayah hendaklah cukup jelas untuk difahami oleh pihak yang berhadapan dengan pertuduhan.

4.2. Estetika, Roh dan Keindahan Bahasa

Salah satu dapatan yang paling menarik dalam kajian ini ialah pandangan responden bahawa Bahasa Melayu mempunyai “roh” tersendiri dalam penulisan penghakiman. Menurut responden, penghakiman dalam Bahasa Inggeris selalunya lebih langsung dan teknikal, tetapi kadangkala terasa kaku dan terlalu ringkas. Sebaliknya, Bahasa Melayu memberi ruang kepada pengolahan ayat yang lebih hidup, lebih bernuansa, dan lebih dekat dengan budaya tempatan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa Bahasa Melayu tidak patut dilihat sebagai bahasa yang terhad kepada komunikasi umum sahaja. Sebaliknya, apabila digunakan oleh hakim yang benar-benar menguasainya, Bahasa Melayu mempunyai keupayaan untuk menzahirkan penghujahan kehakiman yang cermat, indah, dan berwibawa. Hal ini penting kerana ia mencabar tanggapan bahawa hanya Bahasa Inggeris sesuai untuk wacana undang-undang yang kompleks.

Selain itu, unsur estetika bahasa juga mempunyai nilai institusi. Penghakiman yang ditulis dalam bahasa yang baik, teratur, dan meyakinkan bukan sahaja menyampaikan keputusan, tetapi turut membentuk persepsi masyarakat terhadap kewibawaan mahkamah. Dalam hal ini, keindahan bahasa bukan sekadar hiasan, tetapi menjadi sebahagian daripada mutu komunikasi kehakiman itu sendiri.

4.3. Inklusiviti: Keadilan untuk Rakyat Terbanyak

Kesemua responden bersetuju bahawa fungsi paling asas Bahasa Melayu di mahkamah adalah untuk memastikan bahawa saksi dan orang kena tuduh memahami proses yang mereka hadapi. Hal ini lebih jelas di Mahkamah Rendah, tetapi keperluannya tidak terhenti apabila kes dibawa ke Mahkamah Tinggi. Dalam banyak keadaan, pihak-pihak yang terlibat tetap datang daripada latar masyarakat umum yang lebih akrab dengan Bahasa Melayu berbanding Bahasa Inggeris.

Penggunaan Bahasa Melayu juga mempunyai implikasi praktikal terhadap kelancaran prosiding. Apabila saksi memberi keterangan dalam bahasa yang terus difahami oleh mahkamah dan pihak-pihak, masa yang biasanya digunakan untuk terjemahan dapat dikurangkan. Ini membantu mempercepatkan proses, mengurangkan gangguan kepada aliran keterangan, dan mengekalkan ketulenan jawapan saksi. Dalam konteks pencarian kebenaran, keadaan ini amat signifikan kerana ia membolehkan mahkamah menilai keterangan secara lebih langsung dan semula jadi.

5. Kekangan Institusi, Isu Terminologi dan Realiti Pengoperasian

5.1. Isu Terminologi dan Kelompangan Perbendaharaan Kata Perundangan

Ketiga-tiga responden membangkitkan isu terminologi sebagai salah satu cabaran paling besar dalam penggunaan Bahasa Melayu di Mahkamah Tinggi. Menurut mereka, banyak istilah teknikal dalam bidang undang-undang, perubatan, dan forensik tidak mempunyai padanan Melayu yang benar-benar mantap, tepat, dan digunakan secara seragam. Istilah seperti *actus reus*, *mens rea*, *voir dire*, dan *bona fide* misalnya, sangat sukar diterjemahkan tanpa risiko kehilangan nuansa atau ketepatan doktrin.

Cabaran ini menjadi lebih ketara dalam kes-kes yang bersifat teknikal dan kompleks. Dalam *Public Prosecutor v Interspace Management Sdn Bhd* dan *Ortus Expert White Sdn Bhd v Nor Yannie Adam & Anor*, jelas bahawa penghujahan undang-undang banyak bergantung pada kerangka konsep yang berkembang dalam Bahasa Inggeris. Dalam keadaan sebegini, usaha memelayukan istilah bukan sekadar kerja bahasa, tetapi melibatkan persoalan ketepatan doktrin, kesinambungan autoriti, dan keseragaman tafsiran antara penghakiman.

Lebih penting, isu terminologi ini bukan sekadar isu linguistik, tetapi mempunyai implikasi langsung terhadap kepastian undang-undang (legal certainty). Ketidakkonsistenan dalam penggunaan istilah boleh membawa kepada kekeliruan dalam tafsiran prinsip undang-undang, sekali gus menjejaskan kebolehjangkaan keputusan mahkamah. Dalam konteks ini, bahasa bukan sekadar medium penyampaian, tetapi turut membentuk struktur pemikiran kehakiman dan cara prinsip undang-undang difahami serta diaplikasikan.

Walaupun Dewan Bahasa dan Pustaka menyediakan pangkalan istilah melalui Sistem Istilah Terpakai, responden berpandangan bahawa masih belum wujud satu glosari perundangan yang benar-benar komprehensif dan berautoriti untuk digunakan secara meluas di mahkamah. Oleh itu, hakim sering terpaksa membuat penyesuaian bahasa secara sendiri, yang akhirnya menghasilkan variasi istilah antara satu penghakiman dengan penghakiman yang lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam undang-undang memerlukan pembangunan infrastruktur istilah yang lebih sistematik dan bersepadu.

5.2. Faktor Efisiensi Kerja dan Kekangan Masa

Faktor masa juga muncul sebagai kekangan yang sangat signifikan dalam menentukan pilihan bahasa di mahkamah. Para hakim bukan sahaja perlu mendengar dan menguruskan jumlah kes yang tinggi, tetapi turut terikat dengan keperluan untuk menyiapkan alasan penghakiman dalam tempoh yang munasabah. Dalam keadaan beban kerja yang intensif, pertimbangan efisiensi menjadi faktor yang tidak dapat dielakkan.

Dalam konteks ini, penulisan dalam Bahasa Inggeris sering dianggap lebih cepat kerana banyak autoriti, ungkapan lazim, dan struktur pengujahan telah tersedia dalam bahasa tersebut. Sebaliknya, penulisan dalam Bahasa Melayu menuntut masa tambahan untuk mencari padanan istilah yang tepat, menyusun frasa yang sesuai dengan laras perundangan, serta memastikan bahawa maksud asal daripada sumber autoriti tidak terjejas.

Keadaan ini menunjukkan bahawa isu bahasa di mahkamah bukan semata-mata persoalan pilihan atau sikap, tetapi berkait rapat dengan struktur kerja institusi kehakiman. Dalam sistem yang menekankan kecekapan dan pengurusan kes yang pantas, Bahasa Inggeris secara praktikal dilihat sebagai alat yang lebih efisien. Oleh itu, penggunaan Bahasa Inggeris dalam keadaan tertentu tidak semestinya mencerminkan penolakan terhadap Bahasa Melayu, sebaliknya merupakan satu bentuk penyesuaian terhadap realiti operasi mahkamah.

Namun demikian, jika faktor efisiensi ini tidak ditangani secara sistemik, ia berpotensi mengekalkan dominasi Bahasa Inggeris dalam jangka panjang. Hal ini menunjukkan bahawa pemeraksanaan Bahasa Melayu memerlukan sokongan institusi, termasuk latihan penulisan yang praktikal serta penyediaan sumber rujukan yang dapat mempercepatkan proses penulisan dalam Bahasa Melayu tanpa menjejaskan ketepatan undang-undang.

5.3. Kebergantungan kepada Teks Sahih Bahasa Inggeris

Satu lagi faktor yang sering dibangkitkan ialah kebergantungan kepada teks sahih dan sumber autoritatif yang masih bertunjangkan Bahasa Inggeris. Banyak statut utama,

karya rujukan, dan laporan kes yang menjadi asas kepada penghujahan undang-undang mempunyai sejarah penggunaan yang panjang dalam bahasa tersebut.

Dalam keadaan ini, sesetengah hakim berpendapat bahawa penulisan dalam Bahasa Inggeris lebih selamat dari sudut ketepatan tafsiran kerana bahasa penghakiman lebih hampir dengan bahasa sumber asal. Ini amat relevan dalam kes yang melibatkan prinsip kompleks atau konsep yang telah lama berkembang dalam tradisi Common Law.

Keadaan ini dapat dilihat dalam litigasi yang melibatkan semakan kehakiman dan pentadbiran, seperti *Maria Chin Abdullah v Ketua Pengarah Imigresen & Anor*, *Dinesh Jaganath v Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors*, dan *Mohd Nooriman Ismail v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors*. Kes-kes ini menunjukkan bahawa penghujahan sering bergantung kepada konsep yang berakar dalam bahasa dan tradisi perundangan Inggeris, sekali gus menjadikan penggunaan Bahasa Inggeris terus dominan dalam praktik.

Dari sudut analisis, fenomena ini mencerminkan hubungan erat antara bahasa dan autoriti undang-undang. Bahasa yang digunakan dalam sumber asal bukan sahaja membawa makna literal, tetapi juga konteks sejarah, doktrin, dan interpretasi yang telah berkembang melalui masa. Oleh itu, usaha untuk mengalihkan wacana ini ke dalam Bahasa Melayu memerlukan lebih daripada sekadar terjemahan, tetapi juga proses adaptasi konseptual yang teliti dan berdisiplin.

5.4. Isu Kompetensi Peguam dan Generasi Baharu

Dapatan kajian turut memperlihatkan kebimbangan hakim terhadap tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan peguam, khususnya generasi baharu. Terdapat keadaan di mana peguam dilihat kurang yakin untuk berhujah atau menulis dalam Bahasa Melayu secara tepat dan meyakinkan. Kelemahan ini bukan sahaja memberi kesan kepada mutu penghujahan, tetapi juga boleh menjejaskan keberkesanan komunikasi di mahkamah.

Isu ini berkait rapat dengan sistem pendidikan undang-undang yang masih cenderung menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium utama. Akibatnya, graduan undang-undang mungkin mempunyai asas teori yang kukuh, tetapi kurang terlatih untuk berfungsi dalam Bahasa Melayu pada tahap profesional. Jurang ini menjadi semakin ketara apabila mereka memasuki amalan sebenar di mahkamah.

Kebimbangan ini turut diperkukuh oleh isu kebergantungan terhadap teknologi, khususnya alat kecerdasan buatan. Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid (2023) menegaskan bahawa penggunaan teknologi tidak seharusnya menggantikan proses pemahaman mendalam terhadap undang-undang. Dalam konteks kajian ini, responden turut berpandangan bahawa penggunaan alat digital secara berlebihan boleh melemahkan kemahiran analisis dan penguasaan bahasa dalam kalangan peguam muda.

Oleh itu, isu bahasa dalam mahkamah tidak boleh dipisahkan daripada sistem pendidikan dan latihan profesional. Tanpa pembinaan kemahiran dwibahasa yang seimbang dan mantap, usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu dalam institusi kehakiman akan terus berdepan dengan cabaran yang berulang.

6. Perbincangan dan Cadangan Dasar

Bahagian ini membincangkan secara kritikal cabaran yang telah dikenal pasti serta mengemukakan cadangan dasar bagi memperkukuh penggunaan Bahasa Melayu di Mahkamah Tinggi. Berdasarkan dapatan kajian, cabaran tersebut tidak bersifat terasing, sebaliknya saling berkait antara aspek terminologi, institusi, operasi, profesional, dan dasar.

Jadual 2: Rumusan cabaran dan cadangan pemeraksanaan Bahasa Melayu di Mahkamah Tinggi

Kategori	Cabaran utama	Huraian cabaran	Cadangan penyelesaian
Terminologi	Kekurangan istilah teknikal perundangan BM	Istilah seperti <i>actus reus</i> , <i>mens rea</i> , dan konsep forensik sukar diterjemah tanpa menjejaskan makna	Pembangunan tesaurus dan glosari perundangan mengikut bidang secara sistematik
Institusi	Kebergantungan kepada sumber BI	Autoriti kes, buku teks, dan statut banyak berasaskan Bahasa Inggeris	Penghasilan bahan rujukan sahih dalam BM dan pengukuhan peranan DBP
Operasi	Tekanan masa dan beban kes	Hakim perlu menyiapkan penghakiman dalam tempoh singkat; BM ambil masa lebih lama	Latihan penulisan BM yang praktikal dan penambahbaikan sokongan penyelidikan
Profesional	Kompetensi bahasa peguam	Peguam kurang yakin berhujah dalam BM dan bergantung kepada BI atau AI	Reformasi pendidikan undang-undang dan latihan dwibahasa yang seimbang
Dasar	Fleksibiliti berlebihan dalam "kepentingan keadilan"	Digunakan untuk mengelakkan penggunaan BM secara konsisten	Penggubalan arahan amalan yang lebih jelas dan tegas dalam kes tertentu

Nota: Jadual ini dirumuskan berdasarkan analisis dapatan temu bual dan perbincangan kajian.

Jadual 2 merumuskan secara sistematik cabaran utama yang dihadapi dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu di Mahkamah Tinggi serta cadangan penyelesaian yang bersesuaian dengan konteks institusi kehakiman semasa. Jadual ini memperlihatkan bahawa cabaran yang wujud bukan bersifat tunggal, tetapi merentasi dimensi linguistik, institusi, operasi, profesional, dan dasar.

Dari sudut terminologi, kekurangan istilah teknikal perundangan dalam Bahasa Melayu kekal sebagai halangan utama. Istilah yang berakar daripada tradisi Common Law sukar diterjemahkan tanpa menjejaskan ketepatan doktrin. Oleh itu, pembangunan tesaurus perundangan yang tersusun dan berautoriti menjadi satu keperluan yang mendesak bagi memastikan keseragaman penggunaan istilah dalam kalangan hakim dan peguam. Dalam dimensi institusi pula, kebergantungan kepada sumber berbahasa Inggeris menunjukkan bahawa ekosistem undang-undang Malaysia masih terikat dengan warisan kolonial. Walaupun perkara ini tidak dapat diubah dalam jangka masa singkat, usaha untuk menghasilkan bahan rujukan sahih dalam Bahasa Melayu perlu

dipergiatkan agar penggunaan bahasa kebangsaan tidak sekadar bersifat simbolik, tetapi disokong oleh infrastruktur ilmu yang kukuh.

Dari perspektif operasi, tekanan masa dan beban kes merupakan realiti yang tidak boleh diketepikan. Hakim sering berhadapan dengan keperluan untuk menyiapkan alasan penghakiman dalam tempoh yang singkat, dan dalam keadaan tersebut, Bahasa Inggeris dilihat lebih efisien. Oleh itu, cadangan untuk memperkukuh latihan penulisan dalam Bahasa Melayu serta menyediakan sokongan penyelidikan yang lebih baik adalah penting bagi mengimbangi keperluan efisiensi dengan pemartabatan bahasa kebangsaan.

Dalam aspek profesional pula, tahap kompetensi bahasa dalam kalangan peguam turut mempengaruhi penggunaan Bahasa Melayu di mahkamah. Kekurangan keyakinan untuk berhujah dalam Bahasa Melayu serta kebergantungan kepada teknologi seperti kecerdasan buatan menunjukkan bahawa isu ini berkait rapat dengan sistem pendidikan dan latihan profesional. Justeru, reformasi pendidikan undang-undang yang memberi penekanan kepada kemahiran dwibahasa adalah amat diperlukan.

Akhir sekali, dari sudut dasar, kelonggaran dalam penggunaan frasa “kepentingan keadilan” telah memberi ruang kepada penggunaan Bahasa Inggeris secara meluas tanpa garis panduan yang jelas. Walaupun fleksibiliti diperlukan dalam keadaan tertentu, ketiadaan garis panduan yang lebih tegas boleh menjejaskan usaha pemerkasaan Bahasa Melayu. Oleh itu, penggubalan arahan amalan yang lebih jelas dilihat sebagai langkah penting untuk memastikan dasar bahasa dapat dilaksanakan secara lebih konsisten.

Secara keseluruhannya, Jadual 2 menunjukkan bahawa pemerkasaan Bahasa Melayu di Mahkamah Tinggi memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu. Ia tidak boleh dicapai melalui satu intervensi sahaja, tetapi memerlukan gabungan usaha dari segi pembangunan istilah, pengukuhan institusi, penambahbaikan operasi, peningkatan kompetensi profesional, dan reformasi dasar.

Seperti yang dirumuskan dalam Jadual 2, cabaran pemerkasaan Bahasa Melayu di Mahkamah Tinggi merangkumi pelbagai dimensi yang saling berinteraksi. Oleh itu, pendekatan penyelesaian yang bersifat menyeluruh adalah diperlukan bagi memastikan pelaksanaan dasar bahasa dapat dilakukan secara berkesan.

6.1. Pemerkasaan Kursus Penulisan dan Latihan Berterusan

Pemerkasaan latihan penulisan penghakiman dalam Bahasa Melayu merupakan antara langkah paling kritikal dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar bahasa di mahkamah. Pada masa ini, latihan yang diberikan adalah bersifat terhad dan tidak mencukupi untuk membangunkan kemahiran penulisan kehakiman yang mendalam dalam Bahasa Melayu.

Berdasarkan dapatan kajian, hakim yang mempunyai tahap penggunaan Bahasa Melayu yang tinggi menunjukkan tahap keyakinan yang lebih kukuh dalam menyusun penghujahan dan menghasilkan penghakiman yang lebih bernuansa. Hal ini menunjukkan bahawa kompetensi bahasa bukan sahaja berkait dengan keupayaan teknikal, tetapi turut mempengaruhi kualiti analisis kehakiman secara keseluruhan.

Keperluan ini menjadi lebih mendesak dalam konteks litigasi moden yang melibatkan isu perundangan yang kompleks, seperti yang dapat diperhatikan dalam *Aruvakirainathan Thillainathan v Public Prosecutor & Anor*, di mana penghujahan memerlukan kejelasan bahasa dan ketepatan konsep. Oleh itu, latihan penulisan perlu diperluas daripada sekadar aspek tatabahasa kepada latihan substantif yang merangkumi teknik penghujahan, terjemahan doktrin, dan penggunaan istilah yang tepat.

6.2. Pembangunan Tesaurs dan Glosari Perundangan Mengikut Subjek

Pembangunan tesaurs dan glosari perundangan yang komprehensif merupakan satu keperluan mendesak bagi menyokong penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa perundangan yang mantap. Kekurangan istilah teknikal yang seragam telah dikenal pasti sebagai antara cabaran utama dalam dapatan kajian, khususnya dalam bidang yang melibatkan konsep kompleks seperti undang-undang jenayah dan forensik.

Tanpa satu rujukan istilah yang standard, hakim dan peguam terpaksa melakukan terjemahan secara ad hoc, yang berpotensi menjejaskan ketepatan makna dan konsistensi doktrin. Keadaan ini dapat dilihat dalam kes-kes yang melibatkan isu teknikal dan pentadbiran seperti *Maria Chin Abdullah v Ketua Pengarah Imigresen & Anor* dan *Dinesh Jaganath v Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors*, di mana penghujahan sering bergantung kepada istilah yang berakar dalam Bahasa Inggeris.

Oleh itu, kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka, badan kehakiman, dan institusi akademik perlu diperkukuh bagi membangunkan satu glosari standard yang bukan sahaja tepat dari sudut linguistik, tetapi juga selaras dengan prinsip undang-undang.

6.3. Penstrukturan Semula Pendidikan Undang-Undang

Reformasi pendidikan undang-undang merupakan faktor asas dalam memastikan kesinambungan penggunaan Bahasa Melayu dalam sistem kehakiman. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan peguam, khususnya generasi baharu, masih belum mencapai tahap yang memuaskan untuk tujuan penghujahan profesional.

Keadaan ini berpunca daripada sistem pendidikan yang masih cenderung kepada penggunaan Bahasa Inggeris sebagai medium utama pembelajaran undang-undang. Akibatnya, wujud jurang antara keperluan praktikal di mahkamah dengan kompetensi bahasa graduan undang-undang.

Dalam konteks ini, kes-kes semakan kehakiman seperti *Foo Yoke Keong v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* dan *Mohd Nooriman Ismail v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* memperlihatkan keperluan kepada penghujahan yang jelas dan analitikal. Justeru, institusi pengajian tinggi perlu menekankan latihan penulisan dan penghujahan dalam Bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada kurikulum teras.

6.4. Reformasi Arahan Amalan dan Dasar Bahasa

Reformasi dasar bahasa di mahkamah perlu dilaksanakan secara lebih tegas bagi memastikan pemeraksanaan Bahasa Melayu tidak sekadar bersifat aspirasi normatif semata-mata, tetapi diterjemahkan secara nyata dalam amalan kehakiman. Walaupun

Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan menyediakan fleksibiliti melalui konsep “kepentingan keadilan”, dapatan kajian menunjukkan bahawa peruntukan ini sering digunakan secara meluas tanpa garis panduan yang jelas dan terstruktur.

Ketiadaan garis panduan yang spesifik ini membuka ruang kepada tafsiran yang terlalu luas, sekali gus membolehkan penggunaan Bahasa Inggeris terus mendominasi, khususnya di Mahkamah Tinggi. Dalam keadaan sedemikian, prinsip fleksibiliti yang pada asalnya bertujuan melindungi keadilan boleh berubah menjadi mekanisme yang secara tidak langsung mengekalkan status quo bahasa dalam institusi kehakiman.

Dalam konteks kes jenayah, implikasi isu ini adalah lebih serius. Penggunaan bahasa yang tidak difahami sepenuhnya oleh tertuduh berpotensi menjejaskan keupayaan mereka untuk mengikuti prosiding, memahami pertuduhan, serta memberikan arahan yang bermakna kepada peguam. Hal ini sekali gus memberi kesan langsung terhadap keadilan substantif, yang bukan sahaja menuntut keputusan yang betul dari sudut undang-undang, tetapi juga proses yang adil dan dapat difahami oleh pihak yang terlibat.

Kepentingan kefahaman ini telah ditegaskan dalam kes *Public Prosecutor v Kang Chang Heng* dan *Public Prosecutor v Mohd Shahril Mohamad & Ors*, yang menekankan bahawa tertuduh perlu memahami proses perbicaraan secara bermakna sebagai sebahagian daripada hak kepada perbicaraan yang adil. Oleh itu, penggubalan arahan amalan yang lebih jelas, terperinci, dan bersasar adalah penting bagi memastikan bahawa penggunaan Bahasa Melayu tidak bergantung semata-mata kepada budi bicara individu, tetapi disokong oleh kerangka dasar yang konsisten dan boleh dikuatkuasakan.

Secara prinsipnya, reformasi ini perlu mengambil pendekatan yang seimbang, iaitu mengekalkan fleksibiliti dalam keadaan tertentu tanpa mengorbankan matlamat jangka panjang untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Dengan adanya garis panduan yang jelas, mahkamah bukan sahaja dapat mengekalkan kecekapan operasi, tetapi juga memperkukuh legitimasi institusi melalui penggunaan bahasa yang lebih inklusif dan dekat dengan masyarakat.

7. Kesimpulan

Memartabatkan Bahasa Melayu di Mahkamah Tinggi merupakan satu usaha yang mempertemukan dua dimensi utama, iaitu hasrat perlembagaan dan realiti praktikal institusi kehakiman. Kajian ini menunjukkan bahawa Bahasa Melayu mempunyai potensi yang signifikan untuk berfungsi sebagai bahasa perundangan yang tepat, jelas, berwibawa, dan mampu mendekatkan institusi kehakiman dengan masyarakat. Bahasa tersebut bukan sahaja berperanan sebagai medium komunikasi, tetapi juga sebagai wahana yang membawa nuansa, nilai, dan identiti tempatan dalam penulisan penghakiman.

Walau bagaimanapun, potensi ini masih dibatasi oleh kekangan institusi dan profesional yang nyata. Antaranya termasuk dominasi sumber autoritatif berbahasa Inggeris, ketidakcukupan istilah teknikal perundangan dalam Bahasa Melayu, tekanan masa akibat beban kerja kehakiman, serta tahap kompetensi bahasa yang tidak sekata dalam kalangan pengamal undang-undang. Kekangan-kekangan ini menunjukkan bahawa isu bahasa dalam kehakiman bukan sekadar persoalan dasar, tetapi melibatkan struktur

sistem, budaya profesional, dan ekosistem pendidikan undang-undang secara keseluruhan.

Sehubungan itu, pemeraksanaan Bahasa Melayu tidak boleh dicapai melalui pendekatan retorik semata-mata, tetapi memerlukan reformasi yang bersifat menyeluruh dan bersepadu. Latihan penulisan kehakiman perlu diperkukuh, pembangunan glosari perundangan mesti dilaksanakan secara sistematik, pendidikan undang-undang perlu distruktur semula, dan dasar bahasa dalam amalan mahkamah harus diperjelas melalui arahan yang lebih konkrit dan berautoriti.

Kepentingan kefahaman terhadap proses undang-undang sebagai asas keadilan substantif turut diperkukuh melalui kes-kes seperti *Lee Chee Soon & Ors v Public Prosecutor*, *Mohd Nooriman Ismail v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors*, dan *Hsueh Shih Hung & Ors v Komandan Depot Imigresen Belantik, Kedah & Ors*. Kes-kes ini menunjukkan bahawa keadilan tidak hanya terletak pada keputusan akhir, tetapi turut bergantung kepada sejauh mana proses tersebut dapat difahami dan diakses oleh pihak yang terlibat.

Akhirnya, pemeraksanaan Bahasa Melayu di mahkamah tidak seharusnya dilihat sebagai usaha menolak kepentingan Bahasa Inggeris dalam tradisi Common Law. Sebaliknya, ia merupakan usaha untuk mengimbangi warisan undang-undang yang diterima dengan keperluan membina identiti perundangan nasional yang lebih inklusif dan berakar pada konteks tempatan. Apabila bahasa kebangsaan benar-benar dimartabatkan dalam institusi kehakiman, yang diperkukuh bukan sahaja bahasa itu sendiri, tetapi juga legitimasi undang-undang, kepercayaan masyarakat, dan hubungan antara negara dengan rakyatnya.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua Informan atas kerjasama mereka serta kepada Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan institusi dan kemudahan yang disediakan sepanjang kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini telah dibiayai oleh Geran Bahasa Melayu (Kod: UU-2025-015), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan, penulisan atau penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Kadir & Low, F. L. J. (2017). Effects Of Augmented Feedback on Landing Force from Jumps. *Journal of Sports Science and Physical Education*, 6(2), 1-9. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol6.2.1.2017>
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32).
- Aruvakirainathan Thillainathan v. Public Prosecutor & Anor (Appeal)*, 6 CLJ 412 (2024).
- Dinesh Jaganath v. Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors.*, 4 CLJ 789 (2022).
- Foo Yoke Keong v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors.*, 2 CLJ 233 (2025).
- Hsueh Shih Hung & Ors v. Komandan Depot Imigresen Belantik, Kedah & Ors.*, 7 CLJ 165 (2024).
- Lee Chee Soon & Ors v. Public Prosecutor*, 5 CLJ 123 (2023).
- Maria Chin Abdullah v. Ketua Pengarah Imigresen & Anor*, 7 CLJ 456 (2021).
- Mohd Khalid, M. K. A. (2023, 30 September). Peguam muda jangan bergantung pada teknologi AI, buat kajian penyelidikan penghakiman mahkamah. *Berita Harian*.
- Mohd Nooriman Ismail v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors.*, 3 CLJ 299 (2024).
- Ortus Expert White Sdn Bhd v. Nor Yannie Adam & Anor*, 6 CLJ 215 (2022).
- Pendakwa Raya v. Abdul Halek*, 4 CLJ 177 (2025).
- Pendakwa Raya v. Saidi Muhammad*, 3 CLJ 201 (2025).
- Perlembagaan Persekutuan (2020).
- Public Prosecutor v. Interspace Management Sdn Bhd*, 9 CLJ 118 (2024).
- Public Prosecutor v. Kang Chang Heng*, 3 CLJ 411 (2025).
- Public Prosecutor v. Tan Say Cheong*, 8 CLJ 144 (2021).
- Public Prosecutor v. Wazir Yunus*, 5 CLJ 208 (2025).
- Ramalingam, S., Sabaruddin, J. S., & Dhanapal, S. (2022). Language of justice in Malaysian courts: The law and the reality. *IIUM Law Journal*, 30(2). <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v30i2.758>
- Saidina, H. (2025, 13 Februari). Bahasa Melayu dalam sistem kehakiman jamin akses keadilan lebih inklusif. *Utusan Malaysia*.
- Sharif Adam, S. D. (2010). Perjuangan dan cabaran pelaksanaan bahasa kebangsaan di Malaysia, 1957–1966. *Sejarah*, 18(18). <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol18no18.7>
- Sistem Istilah Terpakai DBP. (n.d.). *Sistem istilah terpakai*.
- Teo, K. S. (2016, 21 Januari). Martabat bahasa Melayu dalam perundangan. *Berita Harian*.
- The Malaysian Bar. (2008). *Bahasa Melayu dalam mahkamah*.
- The Malaysian Bar. (2019). *Language and the law*.